

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]
TARIKH : 19 MEI 2016
SOALAN :

YB Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan drastik yang bakal dilaksanakan dalam menangani kes demam denggi yang menunjukkan peningkatan sejak 2 tahun kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Penyakit demam denggi dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti kebersihan persekitaran, urbanisasi, pergerakan individu , perubahan cuaca dan perubahan serotaip virus denggi. Faktor yang paling penting dalam peningkatan kes denggi adalah isu urbanisasi dan kebersihan persekitaran yang menyumbang kepada pembiakan Aedes. Ini termasuk amalan dan sikap masyarakat yang masih membuang sampah merata-rata serta pengurusan sisa pepejal yang tidak teratur dan berjadual. Daripada pemantauan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), tahap indeks pembiakan masih tinggi iaitu sehingga mencapai 3.21%. Ia melebihi paras "threshold" sensitiviti penularan denggi yang ditetapkan oleh WHO sebanyak 1%. Ini bererti, jika tahap kebersihan tidak ditingkatkan, negara akan terus menghadapi risiko denggi.

KKM amat komited dan telah melaksanakan pelbagai langkah-langkah pencegahan dan kawalan denggi iaitu seperti berikut :-

- i. Mengaktifkan Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan satu mesyuarat telah diadakan pada 31 Mac 2015;
- ii. Menubuhkan Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas Denggi Peringkat Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, secara bersepadu melalui kerjasama enam (6) kementerian;
- iii. Menubuhkan Pasukan Petugas Khas Denggi pada peringkat negeri yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar atau diwakilkan kepada Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau Exco Kesihatan dengan kerjasama pelbagai jabatan dan juga agensi;
- iv. Untuk mengatasi masalah denggi, aktiviti bersepadu bersama Kementerian lain yang dijalankan adalah: -
 - a) Pada tahun 2016, KKM sedang melaksanakan satu Operasi Penguatkuasaan Besar Besaran Pembakaran Aedes di premis kediaman di lokaliti *hotspot* dan wabak di seluruh negara yang bermula pada 11 April 2016 untuk tempoh dua (2) bulan;
 - b) Melaksanakan langkah kawalan yang baru iaitu teknik semburan dalam kawalan nyamuk Aedes iaitu *Outdoor Residual Spray (ORS)* dikawasan *hotspots*. Sebanyak 160 kawasan telah dilaksanakan semburan ORS di negeri Selangor sejak ianya dimulakan pada 11 Februari 2015 di daerah Petaling, Hulu Langat, Gombak dan Klang. Aktiviti ini diteruskan ke Johor Bahru pada tahun 2016 yang melibatkan premis strata;
 - c) Kementerian Kesihatan turut menggalakkan penglibatan masyarakat dalam pencegahan denggi melalui penubuhan pasukan COMBI terutama di lokaliti wabak dan hotspot. Sehingga bulan April 2016, bilangan lokaliti COMBI di seluruh Negara adalah sebanyak 3,040 lokaliti;
 - d) Menjalankan Gotong Royong Mega Peringkat Kebangsaan yang dijalankan serentak di seluruh Negara bermula pada 8 November 2015 melibatkan kawasan tanah atau lot kosong dengan kerjasama

kementerian dan lain-lain agensi dan aktiviti ini dilaksanakan secara berterusan;

- e) Meningkatkan aktiviti promosi kesihatan untuk mendapatkan penglibatan masyarakat di pelbagai media massa samada di televisyen, akhbar tempatan dan radio serta penggunaan media sosial iaitu melalui *facebook*, *whatsapp*, *twitter* dan *blog*;
- f) Meningkatkan kerjasama dengan syarikat swasta melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam melaksanakan aktiviti pencegahan denggi melibatkan pelajar, contohnya program *Dengue Patrol* dan *Dengue Rangers*; dan
- g) Meningkatkan aktiviti penguatkuasaan iaitu Ops Gempur Tapak Binaan.